

## PROSES KERJA

**BAHAGIAN :** Bahagian Pengurusan dan Pembangunan Industri Hutan

**UNIT :** Perkilangan Papan

**FUNGSI UTAMA :** Memastikan aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan perkilangan papan dilaksanakan selaras dengan peruntukan yang terkandung dalam Akta Hutan dan dasar-dasar pengurusan hutan selaras dengan keperluan pengurusan hutan lestari.

**AKTIVITI :** Penyelarasan Permohonan Pengukuran Dan Tanda Sempadan Konsesi Baru

**TEMPOH TPOR :** 14 Hari Waktu Bekerja

BIL	PROSES KERJA	PEGAWAI TINDAKAN
	<b><u>MULA</u></b>	
1.	Menerima borang permohonan JPH9/2018 yang lengkap dari Syarikat Kilang Papan. Borang yang tidak lengkap akan dikembalikan kepada pemohon.	Pembantu Perhutanan /Pembantu Perhutanan Rendah / Kerani / Pekerja Syarikat Kilang Papan
2.	Pemohon membayar yuran perkhidmatan berjumlah \$500.00 bagi setiap permohonan di kaunter Kewangan JPH	Kerani Kewangan (Unit Kewangan JPH)
3.	Mengisikan maklumat konsesi baru yang dibenarkan termasuk menyediakan Peta Kerja dan Pembahagian Blok-Blok Kerja	Penolong Pegawai Tingkat II / Pembantu Perhutanan /Pembantu Perhutanan Rendah / Tukang Pelan
4.	Borang dihadapkan kepada Ketua Unit / Ketua Bahagian untuk pertimbangan lanjut.	Kerani / Pegawai Perhutanan
5.	Permohonan yang disokong akan dihadapkan kepada Direktorat untuk kebenaran lanjut.	Kerani / Pengarah Perhutanan / Timbalan Pengarah Perhutanan
6.	Setelah memperolehi kebenaran, Borang akan diberikan kepada Ketua Cawangan untuk penyelarasan kerja-kerja pengukuran dan penandaan sempadan (membuat rentis)	Penolong Pegawai Tingkat II / Pembantu Perhutanan /Pembantu Perhutanan Rendah / Kerani / Pemandu UPP
7.	Setelah kerja-kerja selesai, Borang dikembalikan ke Ibu Pejabat dan dihadapkan kepada Ketua Unit UPP/Ketua Bahagian untuk pengesahan lanjut.	Kerani / Pemandu / Pegawai Perhutanan
	Nota: Aktiviti pembalakan hanya boleh dimulakan hanya setelah pihak SKP diberikan surat kebenaran untuk memulakan kerja dan tiada sebarang tuntutan yang tertunggak dimiliki oleh pihak SKP.	
	<b><u>TAMAT</u></b>	